



JABATAN PERTANIAN

Department of Agriculture

Unit Komunikasi Korporat

Aras 14 & 17, Blok 4G2, Wisma Tani

No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4

62624 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : 603-8870 3050/3038

Faks : 603-8870 3044

E-mel : pro@doa.gov.my

Portal Rasmi : www.doa.gov.my

SIARAN MEDIA

KPKM LANCARKAN KEMPEN KENDIRI SEMPENA MAHA 2026: GERAKAN SUKARELA BENTENG SEKURITI MAKANAN DARI RUMAH

SERDANG, 28 Ogos 2026 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Pertanian hari ini melancarkan Kempen Kebun di Rumah Sendiri (KENDIRI) sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2026 di Dewan A, MAEPS. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Hj. Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Inisiatif KENDIRI yang merupakan cetusan idea YB Datuk Seri Hj. Mohamad bin Sabu diwujudkan sebagai intervensi strategik nasional untuk menggalakkan setiap isi rumah menghasilkan sebahagian daripada bahan makanan sendiri di kediaman masing-masing secara sukarela. Langkah ini merupakan benteng pertahanan domestik dalam membina ketahanan (*resilience*) keluarga mendepani cabaran inflasi, krisis kos sara hidup serta risiko gangguan rantai bekalan makanan global.

Menurut YB Datuk Seri Hj. Mohamad bin Sabu, keterjaminan makanan tidak boleh bergantung kepada pengeluaran berskala besar di ladang-ladang komersial semata-mata, sebaliknya perlu dikukuhkan dari peringkat akar umbi. "KENDIRI adalah satu gerakan sukarela dan kemandirian individu. Ia bukan program yang menuntut rakyat menunggu insentif atau geran Kerajaan, sebaliknya menyuntik kesedaran bahawa keterjaminan makanan keluarga boleh dimulakan sendiri di rumah.

Sementara itu, Ketua Pengarah Pertanian, YBhg. Dato' Nor Sam binti Alwi memaklumkan bahawa Jabatan Pertanian selaku peneraju utama bersama agensi rakan strategik telah menyediakan empat (4) komponen utama ekosistem KENDIRI bagi menyokong gerakan ini secara praktikal iaitu penerbitan Buku Panduan 30 Jenis Tanaman Terpilih bagi KENDIRI, tayangan 10 Episod Dokumentari KENDIRI, Kit Tanaman KENDIRI oleh MARDI Corp. dan Lagu Kempen KENDIRI.

“Bagi membolehkan pengunjung MAHA 2026 menyaksikan aplikasi kebun rumah secara fizikal, Jabatan Pertanian turut menyediakan model kebun di rumah di Laman Florikultur (Magica Garden). Pengunjung boleh melihat pelbagai contoh reka bentuk kebun ruang terhad seperti *vertical garden* (sistem bertingkat), tanaman berpasu estetik dan sistem hidroponik ringkas yang boleh diadaptasi di kediaman masing-masing,” jelas beliau lagi.

Kempen KENDIRI diangkat berasaskan tema “Tanam Apa Yang Kita Makan, Makan Apa Yang Kita Tanam”. Kempen ini bertujuan mengajak rakyat mengutamakan tanaman keperluan harian seperti cili, sawi, kangkung, daun bawang, pandan, serai dan kunyit untuk kegunaan dapur keluarga.

Untuk maklumat lanjut mengenai Kempen KENDIRI dan muat turun Buku Panduan Penanaman 30 Tanaman Terpilih KENDIRI, sila layari portal rasmi Jabatan Pertanian di www.doa.gov.my atau semua platform media sosial rasmi Jabatan Pertanian.

###

JABATAN PERTANIAN

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)

